

Analisis Kosmo!

Usah terjerat ancaman gula-gula Ghost Candy

KETIKA sarapan di sebuah restoran di Saujana Utama, Sungai Buloh, Selangor, terdengar keluhan seorang bapa yang duduk bersebelahan meja, sambil membaca akhbar.

“Apalah nak jadi dengan budak-budak zaman sekarang. Along, kau jangan nak cuba gula-gula ini, tak ada faedah langsung,” katanya kepada seorang remaja belasan tahun yang duduk di hadapannya, mungkin anaknya.

Saya mengintai apa yang dibacanya dalam akhbar *Kosmo!* pada 22 Julai lalu. Patutlah, tajuk berita yang dibacanya *Haramkan jualan Ghost Candy* menjadi perbualan dia dan anaknya.

Trend pengambilan gula-gula Ghost Candy atau Smoke Candy yang mengeluarkan asap seolah-olah seperti menghisap rokok popular dalam kalangan pelajar, malah ia dijual secara terbuka di pasaran.

Penjualan Ghost Candy mula mendapat perhatian ramai selepas satu klip video berdurasi 48 saat memaparkan murid sekolah rendah di daerah Papar, Sabah mengambil gula-gula tersebut sambil menghembus asap seperti rokok tular di media sosial.

Susulan itu, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail dilaporkan mahu tindakan diambil bagi menghentikan segera penjualan vape dan gula-gula Ghost Candy.

Wan Azizah tidak menolak kemungkinan gula-gula itu boleh menjadi permulaan kepada masalah merokok dan penagihan dadah.

“Saya tidak mahu perkara ini menjadi penyakit masyarakat yang menular dalam kalangan kanak-kanak dari kecil lagi,” katanya.

Kementerian Kesihatan juga dilaporkan sudah memulakan siasatan berhubung perkara itu serta bekerjasama dengan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna.

Menurut Naib Pengerusi Kanan Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia, Tan Sri Lee Lam Thye, masalah penjualan dan penggunaan Ghost Candy atau vape dalam kalangan kanak-kanak serta pelajar memerlukan kerjasama daripada semua pihak berkepentingan.

“Pihak berkuasa perlu mengambil tindakan tegas untuk menghentikan penjualan bahan-bahan itu kepada kanak-kanak, manakala pihak sekolah pula perlu memantau serta mengadakan kempen kesedaran mengenai bahaya



**Di Sebalik
 Isu Panas**

Bersama WAN AMSYAR
 JAILANI

█ Kandungan Ghost Candy itu dikhuatiri menggunakan bahan tiruan kerana kos cecair nitrogen untuk kegunaan makmal sangat mahal tetapi gula-gula itu pula dijual serendah 50 sen di pasaran

vape dan Ghost Candy terhadap kesihatan.

“Rang undang-undang baharu berkaitan kawalan penggunaan rokok elektronik atau vape dan sisha perlu dibentang di Parlimen secepat mungkin bagi menangani masalah tersebut,” ujarnya.

Sementara itu, Timbalan Dekan Penyelidikan dan Jaringan Industri Fakulti Sains Kesihatan, Universiti Teknologi Mara, Dr. Norazmir Md. Nor, berkata, Ghost Candy boleh mendatangkan kesan kepada kesihatan dalam jangka panjang kera-

na ia mengandungi cecair nitrogen berlebihan.

Jelasnya, kandungan cecair nitrogen berlebihan boleh menyebabkan pengguna menghidap penyakit asma, batuk, sakit tekak dan berkemungkinan diserang sakit jantung.

“Cecair nitrogen bukanlah asing dalam industri pemakanan, namun ia hendaklah mematuhi dos dan jumlah kandungan yang ditetapkan.

“Sebagai contoh, cecair itu digunakan dalam proses pembuatan aiskrim untuk mempercepatkan proses pembekuan, namun ia selamat jika digunakan dalam jumlah yang disyorkan,” katanya.

Bagaimanapun, katanya, kandungan Ghost Candy tersebut dikhuatiri menggunakan bahan tiruan kerana kos cecair nitrogen untuk kegunaan makmal sangat mahal tetapi gula-gula itu pula dijual serendah 50 sen di pasaran.

“Penggunaan cecair nitrogen di dalam makmal pun sudah mahal, bagaimana ia boleh dijual di pasaran pada harga serendah 50 sen?”

“Mungkin ia menggunakan bahan tiruan yang boleh menghasilkan kesan sama seperti cecair nitrogen sekali gus boleh membahayakan kesihatan,” katanya.

Oleh itu, kerajaan dituntut mengambil tindakan terhadap penjualan produk Ghost Candy yang boleh mempengaruhi pelajar sekolah kepada permulaan ketagihan rokok, vape dan seumpamanya.